

SURAH MUSYAWARAH



Surah: 42 Juzuk: 25 Bil. Ayat: 53

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.

1. Haa, Miim.
2. Ain, Siin, Qaaf
3. Demikian itu diwahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan orang yang terdahulu sebelumnya, oleh Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.
4. Baginya apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. Dialah Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.
5. Langit hampir-hampir pecah dari sebelah atasnya (kerana takut pada kemurkaan Allah) dan para malaikat bertasbih dengan memuji Tuhan mereka serta memohon ampun bagi makhluk yang ada di bumi. Ingatlah! Sesungguhnya Allah, Dialah Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.
6. Dan (sebaliknya) orang yang menjadikan sesuatu selain daripada Allah sebagai pelindung, Allah sentiasa mengawasi tingkah laku mereka dan engkau bukanlah orang yang dipertanggungjawabkan terhadap mereka.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

حَمَّ ①

عَسَقَ ②

كَذَلِكَ يُوحَىٰ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ اللَّهُ
الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ③

لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَهُوَ الْعَلِيُّ
الْعَظِيمُ ④

تَكَادُ السَّمَوَاتُ يَنْفَطَرْنَ مِنْ فَوْقِهِنَّ وَالْمَلَائِكَةُ
يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِنَّ وَابْتَغُوا لَنْ
فِي الْأَرْضِ إِلَّا أَنْ اللَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ⑤

وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ اللَّهُ
حَفِيفٌ عَلَيْهِمْ وَمَا أَنْتَ عَلَيْهِمْ بِوَكِيلٍ ⑥

7. Dan demikianlah Kami mewahyukan kepadamu al-Quran dalam bahasa Arab, supaya engkau memberi peringatan kepada (penduduk) Mekah dan semua penduduk dunia di sekelilingnya, serta memberi peringatan tentang hari perhimpunan⁽¹⁾ yang tiada keraguan padanya. (Pada hari itu) satu golongan masuk syurga dan satu golongan lagi masuk ke dalam (api neraka) yang marak menjulang.
8. Jika Allah mahu, pasti Dia menjadikan mereka satu umat (yang bersatu dalam agamaNya), akan tetapi Allah (tidak merancang yang demikian bahkan Dia akan) memasukkan sesiapa yang dikehendakiNya ke dalam rahmatNya. Orang yang zalim tidak ada baginya sesiapa pun yang dapat memberikan perlindungan dan pertolongan.
9. Atau patutkah mereka menjadikan sesuatu selain daripadanya sebagai pelindung kerana Allah Dialah Maha Pelindung, dan Dialah yang menghidupkan makhluk yang mati. (Ingatlah), Dia Maha Berkuasa atas setiap sesuatu.

وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لِتُنذِرَ أُمَّ
الْقُرَى وَمَنْ حَوْلَهَا وَتُنذِرَ يَوْمَ الْجَمْعِ لَا
رَيْبَ فِيهِ فَرِيقٌ فِي الْجَنَّةِ وَفَرِيقٌ فِي السَّعِيرِ ﴿٧﴾

وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَهُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكِنْ يَدْخُلُ
مَنْ يَشَاءُ فِي رَحْمَتِهِ وَالظَّالِمُونَ مَا لَهُمْ مِنْ وَلِيٍّ
وَلَا نَصِيرٍ ﴿٨﴾

أَمْ لَتَأْتَهُمْ مِنْ دُونِهِ آيَاتٌ فَاللَّهُ هُوَ الْوَلِيُّ وَهُوَ
يُحْيِي الْمَوْتَى وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٩﴾

1 Hari akhirat.

10. Dan (katakanlah wahai Muhammad): «Apa jua urusan agama yang kamu bertelingkah padanya maka keputusannya terserah kepada Allah. Itulah Allah Tuhanku, kepadaNyalah aku bertawakal dan kepadaNyalah aku kembali».
11. Dialah yang menciptakan langit dan bumi. Dia menjadikan bagi kamu pasangan daripada jenis kamu sendiri, dan menjadikan pasangan daripada jenis binatang-binatang ternak. Dengan jalan yang demikian dikembangkannya (zuriat keturunan) kamu semua. Tiada sesuatu pun yang menyerupainya (zatnya, sifatnya, dan pentadbirannya) dan Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.
12. Dialah yang menguasai urusan dan perbendaharaan di langit dan bumi. Dia melimpahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakinya (menurut peraturan yang telah ditetapkan), dan Dia juga yang menyempitkannya (menurut peraturan itu). Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui akan setiap sesuatu.
13. Allah telah mensyariatkan kepada kamu perkara agama⁽¹⁾ yang telah diwasiatkanNya

وَمَا اخْتَلَفْتُمْ فِيهِ مِنْ شَيْءٍ فَحُكْمُهُ إِلَى
 اللَّهِ ذَلِكُمْ اللَّهُ رَبِّي عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ
 أُنِيبُ ﴿١٠﴾

فَاطْرُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ
 أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَمِنَ الْأَنْعَامِ أَزْوَاجًا
 يَذُرُّكُمْ فِيهِ لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ
 السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١١﴾

لَهُ مَقَالِيدُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ يَبْسُطُ الرِّزْقَ
 لِمَنْ يَشَاءُ وَيَقْدِرُ إِنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١٢﴾

﴿ شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا
 وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ ﴾

1 Agama di sini bermaksud mengesakan Allah dan beriman kepadaNya, kitab-kitabNya, para rasulNya, dan hari akhirat serta mentaati segala perintah dan menjauhi larangan.

kepada Nuh, dan apa yang telah Kami (Allah) wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), dan Kami juga telah mewasiatkan kepada Ibrahim, Musa dan Isa, iaitu: «Tegakkanlah agama, dan janganlah kamu berpecah belah di dalamnya». Berat bagi orang musyrik (untuk menerima agama tauhid) yang engkau seru mereka kepadanya. Allah memilih sesiapa yang dikehendakiNya untuk menerima agama tauhid itu, dan memberi hidayah kepada agamaNya itu orang yang kembali kepadaNya.

14. Dan mereka (Ahli Kitab) tidak berpecah belah kecuali setelah datang kepada mereka ilmu (kebenaran yang disampaikan oleh para nabi)⁽¹⁾, kerana dengki sesama mereka. Jika tidak kerana suatu ketetapan yang telah ada dahulunya daripada Tuhanmu (untuk menanggukkan azab) hingga ke suatu masa yang tertentu, pasti dijatuhkan hukuman dengan serta-merta kepada mereka. Sesungguhnya orang yang mewarisi kitab⁽²⁾ (Taurat dan Injil) selepas mereka, berada dalam keraguan terhadap Kitab (al-Quran) itu.

إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَىٰ أَنْ أَقِيمُوا
الَّذِينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ كَبُرَ عَلَى الْمُشْرِكِينَ
مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ اللَّهُ يَجْتَبِي إِلَيْهِ مَنْ يَشَاءُ
وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ يُنِيبُ ﴿١٣﴾

وَمَا تَفَرَّقُوا إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَعَثْنَا
بَيْنَهُمْ وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِنْ رَبِّكَ إِلَىٰ
أَجَلٍ مُّسَمًّى لَفُضِّيَ بَيْنَهُمْ وَإِنَّ الَّذِينَ أُورِثُوا
الْكِتَابَ مِنْ بَعْدِهِمْ لَفِي شَكٍّ مِمَّنْهُ
مُرِيدٍ ﴿١٤﴾

1 Ahli Kitab itu berpecah-belah setelah mereka mengetahui kebenaran nabi-nabi mereka. Setelah datang Muhammad s.a.w dan nyata kebenarannya, mereka tetap tidak mempercayainya.

2 Orang yang diwariskan kepada mereka al-Kitab ialah Ahli Kitab yang hidup pada zaman Nabi Muhammad s.a.w.

15. Oleh yang demikian itu, serulah (mereka beriman), serta teguhlah engkau beriman sebagaimana yang diperintahkan kepadamu, dan janganlah engkau menurut kehendak nafsu mereka, sebaliknya katakanlah: «Aku beriman kepada kitab yang diturunkan oleh Allah, dan aku diperintahkan supaya berlaku adil di antara kamu. Allah jualah Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami amalan kami dan bagi kamu amalan kamu. Tidak perlu ada sebarang pertengkaran antara kami dan kamu (kerana kebenaran telah jelas). Allah akan menghimpunkan antara kita (pada hari kiamat), dan kepadaNya lah kita kembali».
16. Dan orang yang berhujah tentang kebenaran agama Allah selepas agama itu diterima, bantahan (dan tuduhan palsu) mereka itu sia-sia belaka di sisi Tuhan mereka, dan mereka mendapat kemurkaan (Allah) serta mereka mendapat azab yang sangat dahsyat.
17. Allah yang menurunkan Kitab suci dengan kebenaran, dan menurunkan keterangan yang menjadi neraca keadilan. Adakah engkau tahu barangkali hari kiamat itu sudah hampir (masa datangnya).
18. Orang yang tidak beriman kepada hari kiamat itu meminta

فَلِذَلِكَ فَانْعَمْ وَأَسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَقُلْ إِنَّمَا أَمَرْتُ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنْ كِتَابٍ وَأُمِرْتُ لِأَعْدِلَ بَيْنَكُمْ اللَّهُ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ لَنَا أَعْمَلْنَا وَلَكُمْ أَعْمَلُكُمْ لَا حِجَّةَ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ اللَّهُ يَجْمَعُ بَيْنَنَا وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ ﴿١٥﴾

وَالَّذِينَ يُحَاجُّونَ فِي اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مَا اسْتَجِيبَ لَهُ وَحُجَّتْهُمْ دَاحِضَةٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَعَلَيْهِمْ عَذَابٌ وَعَلَيْهِمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ﴿١٦﴾

اللَّهُ الَّذِي أَنْزَلَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ وَالْمِيزَانَ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّ السَّاعَةَ قَرِيبٌ ﴿١٧﴾

يَسْتَعْجِلُ بِهَا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِهَا

(secara mengejek-ejek) supaya disegerakan kedatangannya, dan (sebaliknya) orang yang beriman merasa takut kepadanya serta mereka mengetahui dengan yakin bahawa ia adalah benar. Ketahuilah! Sesungguhnya orang yang membantah mengenai hari kiamat itu, pasti berada dalam kesesatan yang jauh.

19. Allah Maha Lembut kepada hamba-hambaNya, Dia memberi rezeki kepada sesiapa yang Dia kehendaki (menurut peraturan yang telah ditetapkan), dan Dialah Yang Maha Kuat lagi Maha Perkasa.
20. Sesiapa yang mahukan keuntungan di akhirat, Kami akan tambahkan keuntungan itu baginya dan sesiapa yang mahu keuntungan di dunia semata-mata, Kami berikan kepadanya sebahagian daripada (keuntungan itu), tetapi dia tidak akan mendapat bahagian di akhirat kelak.
21. Patutkah mereka mempunyai sekutu-sekutu yang menetapkan peraturan agama bagi mereka yang tidak diizinkan oleh Allah? Dan jika tidak kerana kalimah ketetapan (yang menangguhkan hukuman daripada Allah), pasti hukuman tersebut telah dilaksanakan terhadap mereka. Sesungguhnya orang yang zalim itu akan mendapat azab yang sangat pedih.

وَالَّذِينَ آمَنُوا مَشْفُوعُونَ مِنْهَا وَيَعْلَمُونَ
أَنَّهَا الْحَقُّ الْآلِآنَ الَّذِينَ يُمَارُونَ فِي
السَّاعَةِ لَفِي ضَلَالٍ بَعِيدٍ ﴿١٨﴾

اللَّهُ طَيِّفٌ بِعِبَادِهِ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ
الْقَوِيُّ الْعَزِيزُ ﴿١٩﴾

مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الْآخِرَةِ نَزِدْ لَهُ فِي
حَرْثِهِ وَمَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ
مِنْهَا وَمَالَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ نَصِيبٍ ﴿٢٠﴾

أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ شَرَعُوا لَهُمْ مِنَ الدِّينِ
مَا لَمْ يَأْذَنَ بِهِ اللَّهُ وَلَوْلَا كَلِمَةُ الْفَصْلِ
لَفُضِيَ بَيْنَهُمْ وَإِنَّ الظَّالِمِينَ لَهُمْ
عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢١﴾

22. (Pada hari kiamat) engkau akan memperhatikan orang yang zalim itu sangat takut kerana (kejahatan-kejahatan) yang mereka telah lakukan, sedangkan azab itu tetap menimpa mereka. Dan orang yang beriman serta melakukan kebaikan (berada) dalam taman-taman syurga. Mereka akan mendapat apa sahaja yang mereka kehendaki di sisi Tuhan mereka. Yang demikian itu adalah kurniaan yang besar.
23. (Kurniaan) itulah yang Allah gembirakan (dengannya) hamba-hambaNya yang beriman dan melakukan kebaikan. Katakanlah (wahai Muhammad): «Aku tidak meminta kepada kamu sebarang ganjaran atas seruanmu itu kecuali kasih sayang dalam kekeluargaan». Dan sesiapa yang melakukan kebaikan Kami akan tambahkan kebaikan baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Menyukuri.⁽¹⁾
24. Atau mereka mengatakan: «Dia (Muhammad) telah mengada-adakan pendustaan terhadap Allah» Jika Dia menghendaki, nescaya Dia mengunci hatimu. Allah tetap menghapuskan perkara yang batil serta membenarkan kalimah-kalimah

تَرَى الظَّالِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا
كَسَبُوا وَهُوَ وَاقِعٌ بِهِمْ وَالَّذِينَ
ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فِي رَوْضَاتِ
الْجَنَّاتِ لَهُمْ مَا يَشَاءُونَ عِنْدَ رَبِّهِمْ
ذَٰلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ ﴿٢٢﴾

ذَٰلِكَ الَّذِي يُبَشِّرُ اللَّهَ عِبَادَهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا
وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ قُلْ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا
إِلَّا الْمَوَدَّةَ فِي الْقُرْبَىٰ وَمَن يَقْرَفْ حَسَنَةً
نَّزَّلْنَا فِيهَا حَسَنًا إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٢٣﴾

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا فَإِن يَشَأِ اللَّهُ
يَخْتِمْ عَلَىٰ قَلْبِكَ وَيَمْحُ اللَّهُ الْبَاطِلَ وَيُحِقُّ
الْحَقَّ بِكَلِمَاتِهِ إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿٢٤﴾

1 Maksudnya ialah memberi pahala terhadap amal perbuatan hambaNya, mengampuni kesalahannya, menambahkan nikmatNya dan sebagainya.

wahyuNya. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui apa yang terkandung di dalam dada.

25. Dan Dialah yang menerima taubat daripada hamba-hambaNya serta memaafkan kejahatan-kejahatan. Dia mengetahui apa yang kamu lakukan.
26. Dan Dia memperkenankan doa orang yang beriman serta melakukan kebaikan, dan Dia menambahkan kepada mereka kurniaanNya. (Sebaliknya) orang kafir, disediakan bagi mereka azab yang dahsyat.
27. Jika Allah melapangkan rezeki bagi setiap hamba-hambaNya, tentu mereka akan melampaui batas di bumi. Tetapi Dia menurunkan (rezekiNya itu) mengikut kadar yang dikehendakiNya. Sesungguhnya Dia Maha Mendalam Pengetahuannya tentang keadaan hambaNya, lagi Maha Melihat.
28. Dialah yang menurunkan hujan setelah mereka berputus asa dan Dia menyebarkan rahmatNya. (Ingatlah) Dialah Maha Pelindung lagi Yang Maha Terpuji.
29. Di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah penciptaan langit dan bumi dan makhluk-makhluk yang melata yang Dia sebarkan pada keduanya. Dan Dia Maha Berkuasa mengumpulkan semuanya apabila Dia kehendaki.

وَهُوَ الَّذِى يَقْبَلُ التَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِ وَيَعْفُو عَنِ السَّيِّئَاتِ وَيَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ ﴿٢٥﴾

وَيَسْتَجِيبُ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَيَزِيدُهُمْ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَالْكَافِرُونَ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ﴿٢٦﴾

﴿٢٧﴾ وَلَوْ بَسَطَ اللَّهُ الرِّزْقَ لِعِبَادِهِ لَبَغَوْا فِي الْأَرْضِ وَلَكِنْ يُنْزِلُ بِقَدْرِ مَا يَشَاءُ إِنَّهُ وَبِعِبَادِهِ خَبِيرٌ بَصِيرٌ ﴿٢٧﴾

وَهُوَ الَّذِى يُنْزِلُ الْغَيْثَ مِنْ بَعْدِ مَا يَقْتُلُوا وَيُنْشُرُ رَحْمَتَهُ ۗ وَهُوَ الْوَلِيُّ الْحَمِيدُ ﴿٢٨﴾

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا مِنْ دَابَّةٍ ۗ وَهُوَ عَلَىٰ جَمْعِهِمْ إِذَا يَشَاءُ قَدِيرٌ ﴿٢٩﴾

30. Apa jua musibah yang menimpa kamu adalah disebabkan perbuatan tangan kamu sendiri dan Allah memaafkan sebahagian besar daripada dosa-dosa kamu.
31. Kamu tidak akan dapat melepaskan diri daripada kekuasaan Allah (seksaan Allah) di muka bumi dan kamu juga tidak akan mendapati sesiapa pun selain Allah sebagai pelindung mahupun penolong.
32. Di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah kapal-kapal (yang belayar) di lautan seperti gunung-ganang.
33. Jika Dia menghendaki, Dia akan menghentikan tiupan angin sehingga kapal-kapal itu terhenti (terapung-apung) di permukaan laut. Sesungguhnya yang demikian mengandungi tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi setiap orang yang sentiasa sabar lagi sentiasa bersyukur.
34. Atau Dia akan binasakan kapal-kapal itu disebabkan perbuatan mereka, dan Dia memaafkan sebahagian besar daripada dosa-dosa mereka.
35. Dan supaya orang yang membantah tanda-tanda kekuasaan Kami mengetahui bahawa mereka tidak akan dapat melepaskan diri.

وَمَا أَصَابَكُمْ مِنْ مُصِيبَةٍ فِيمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ
وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ ﴿٣٠﴾

وَمَا أَنْتُمْ بِمُعْجِزِينَ فِي الْأَرْضِ وَمَا لَكُمْ
مِنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿٣١﴾

وَمِنْ آيَاتِهِ الْجَوَارِ فِي الْبَحْرِ كَالْأَعْلَامِ ﴿٣٢﴾

إِنْ يَشَاءُ يُسْكِنِ الرِّيحَ فَيَظْلَلْنَ رَوَاكِدَ عَلَى
ظُهُورِهِمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ ﴿٣٣﴾

أَوْ يُوقِفَهُنَّ بِمَا كَسَبْنَ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ ﴿٣٤﴾

وَيَعْلَمُ الَّذِينَ يُجَادِلُونَ فِي آيَاتِنَا مَا لَهُمْ مِنْ
فَيْصٍ ﴿٣٥﴾

36. Maka apa jua yang diberikan kepada kamu, maka ia hanyalah kesenangan hidup di dunia ini sahaja, dan apa yang ada di sisi Allah adalah lebih baik dan lebih kekal bagi orang yang beriman dan yang bertawakal kepada Tuhannya.

فَمَا أُوْنِيْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَتَمَعُوا الْحَيٰوةَ الدُّنْيَا وَمَا عِنْدَ
اللّٰهِ خَيْرٌ وَأَنْتُمْ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ
يَتَوَكَّلُونَ ﴿٣٦﴾

37. Dan juga orang yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan yang keji, dan apabila mereka marah mereka memaafkannya.

وَالَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبِيْرَ الْاِثْمِ وَالْفَوْحِشِ
وَإِذَا مَا غَضِبُوا هُمْ يَغْفِرُونَ ﴿٣٧﴾

38. Dan juga orang yang menerima perintah Tuhan mereka serta mendirikan solat dengan sempurna, dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka. Mereka juga menafkahkan sebahagian daripada apa yang Kami rezekikan kepada mereka.

وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلٰوةَ وَأَمْرُهُمْ
شُورَىٰ بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣٨﴾

39. Dan juga orang yang apabila ditimpa sesuatu kezaliman, mereka bertindak membela diri.

وَالَّذِينَ إِذَا اَصَابَهُمُ الْبَغْيُ هُمْ يَنْصُرُونَ ﴿٣٩﴾

40. Dan balasan bagi sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang setimpal dengannya. Maka sesiapa yang memaafkan dan melakukan kebaikan⁽¹⁾, maka pahalanya daripada Allah (dengan diberi balasan yang sebaik-baiknya). Sesungguhnya Dia tidak menyangi orang yang zalim.

وَجَزَاءُ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةٌ مِّثْلُهَا فَمَنْ عَمَّا وَاَصْلَحَ
فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ﴿٤٠﴾

1 Melakukan kebaikan di sini bermaksud berbuat baik kepada orang yang berbuat jahat kepadanya.

41. Dan sesungguhnya orang yang membela diri setelah dia dizalimi, maka tiada alasan untuk menyalahkan mereka.
42. Sesungguhnya kesalahan hanya terhadap orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan melampaui batas di muka bumi tanpa sebarang alasan yang benar. Mereka itulah orang yang akan mendapat azab yang sangat pedih.
43. Sesiapa yang bersabar dan memaafkan (kesalahan orang terhadapnya), sesungguhnya yang demikian itu termasuk perbuatan yang mulia.
44. Dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah, maka tiada baginya pelindung setelah itu. Dan engkau akan melihat orang yang zalim ketika mereka memerhatikan azab (pada hari kiamat) berkata: «Adakah sebarang jalan untuk kami kembali ke dunia?»
45. Engkau juga akan memerhatikan mereka dihadapkan ke neraka dalam keadaan tunduk kerana merasa terhina, mereka memerhati dalam keadaan lesu (kerana takut). Dan orang yang beriman pula berkata: «Sesungguhnya orang yang rugi ialah mereka yang merugikan dirinya sendiri dan keluarganya pada hari kiamat. Ingatlah! Sesungguhnya orang yang zalim itu berada dalam azab yang kekal».

وَلَمَن أَنصَرَ بَعْدَ ظُلْمِهِ فَأُولَٰئِكَ مَا عَلَيْهِمْ مِّن سَبِيلٍ ﴿٤١﴾

إِنَّمَا السَّبِيلُ عَلَى الَّذِينَ يَظْلِمُونَ النَّاسَ وَيَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ ۚ أُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤٢﴾

وَلَمَن صَبَرَ وَعَفَا إِنَّ ذَلِكَ لَمِنَ عَزْوِ الْأُمُورِ ﴿٤٣﴾

وَمَن يُضِلِلِ اللَّهُ فَهُوَ لَهُ مِن وَّلِيٍّ مِّن بَعْدِهِ ۗ وَتَرَى الظَّالِمِينَ لَمَّا رَأَوْا الْعَذَابَ يَقُولُونَ هَلْ إِلَىٰ مَرَدٍّ مِّن سَبِيلٍ ﴿٤٤﴾

وَتَرَاهُمْ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا خَشِيعَتٍ مِّنَ الدُّنْيَا يَنْظُرُونَ مِنْ طَرْفٍ خَفِيٍّ وَقَالَ الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ الْخَاسِرِينَ الَّذِينَ خَسِرُوا أَنفُسَهُمْ وَأَهْلِيَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۗ أَلَا إِنَّ الظَّالِمِينَ فِي عَذَابٍ مُّقِيمٍ ﴿٤٥﴾

46. Dan tiada bagi mereka sebarang pelindung kecuali Allah, yang dapat memberikan pertolongan kepada mereka. Dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah, maka tiada baginya sebarang jalan (untuk mendapat hidayah).
47. Sahutlah seruan Tuhan kamu (yang mengajak kamu beriman), sebelum datangnya daripada Allah, hari yang tidak dapat ditolak. Pada hari itu tiada bagi kamu tempat berlindung (daripada azabNya), dan tidak (pula) dapat mengingkari (dosa-dosa).
48. Maka jika mereka berpaling, Kami tidak mengutusmu (wahai Muhammad) sebagai pengawas terhadap mereka. Tugasmu hanyalah menyampaikan (apa yang diperintahkan kepadamu). (Ingatlah) sesungguhnya apabila Kami memberi manusia merasai sesuatu rahmat daripada Kami, dia bergembira dengannya. Dan jika mereka ditimpa kesusahan disebabkan dosa yang mereka lakukan, maka sesungguhnya manusia itu sangat kufur kepadaTuhannya.
49. Bagi Allah jualah kuasa pemerintahan di langit dan bumi. Dia menciptakan apa yang Dia kehendaki, Dia mengurniakan anak perempuan kepada sesiapa yang Dia kehendaki, dan

وَمَا كَانَ لَهُمْ مِنْ أَوْلِيَاءَ يَنْصُرُونَهُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَمَنْ يُضِلِلِ اللَّهُ فَهُوَ لَمْ يَسْبِغْ لَهُ سَبِيلًا ﴿٤٦﴾

أَسْتَجِيبُوا لِرَبِّكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ يَوْمٌ لَا مَرَدَّ لَهُ، مِنْ اللَّهِ مَا لَكُمْ مِنْ مَلْجَأٍ يَوْمَئِذٍ وَمَا لَكُمْ مِنْ نَكِيرٍ ﴿٤٧﴾

فَإِنْ أَعْرَضُوا فَأَنْرَسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِظْنَا إِنْ عَلَيْنَا إِلَّا الْبَلْغُ وَإِنَّا إِذَا أَدْفَنَّا الْإِنْسَانَ مِنْتَارِحَةً فَفَرِحَ بِهَا وَإِنْ نُصِبَهُمْ سَبِيحَةً بِمَا قَدِمَتْ أَيْدِيهِمْ فَإِذَا تَ الْإِنْسَانَ كَقُورٍ ﴿٤٨﴾

لِلَّهِ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ يَهْبُ لِمَنْ يَشَاءُ إِنشَاءً وَيَهْبُ لِمَنْ يَشَاءُ الذُّكُورَ ﴿٤٩﴾

mengurniakan anak lelaki kepada sesiapa yang Dia kehendaki.

50. Atau Dia mengurniakan mereka kedua-duanya, anak lelaki dan perempuan, dan Dia juga menjadikan sesiapa yang dikehendakiNya mandul. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa.

51. Dan tidak layak bagi seseorang manusia untuk Allah berbicara dengannya kecuali dengan perantaraan wahyu atau dari belakang tabir⁽¹⁾, atau dengan mengutuskan utusan (malaikat) lalu diwahyukan kepadanya dengan izin Allah apa yang dikehendakiNya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Bijaksana.

52. Demikianlah Kami mewahyukan kepadamu (Muhammad) roh (al-Quran) dengan perintah Kami. Sebelumnya engkau tidak pernah mengetahui apakah Kitab (al-Quran) itu dan apakah iman itu tetapi Kami jadikan al-Quran itu cahaya, Kami berikan hidayah dengannya sesiapa yang Kami kehendaki di antara hamba Kami. Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) memberi hidayah dengan al-Quran itu ke jalan yang lurus.

أُوَيِّرُ وَجْهَهُمْ ذُكْرًا وَأُنثَىٰ وَيَجْعَلُ مَنْ
يَشَاءُ عَقِيمًا إِنَّهُ عَلِيمٌ قَدِيرٌ ﴿٥٠﴾

﴿٥١﴾ وَمَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُكَلِّمَهُ اللَّهُ إِلَّا وَحْيًا
أَوْ مِنْ وَرَآئِ حِجَابٍ أَوْ يُرْسِلَ رَسُولًا فَيُوحِيَ
بِإِذْنِهِ مَا يَشَاءُ إِنَّهُ عَلَىٰ حَكِيمٍ ﴿٥١﴾

وَكَذَٰلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرٍ مَا كُنْتَ
تَدْرِي مَا الْكِتَابُ وَلَا الْإِيمَانُ وَلَكِن جَعَلْنَاهُ
قُرْآنًا نُّهْدِي بِهِ مَن نَّشَاءُ مِنْ عِبَادِنَا وَإِنَّا
لَنُهْدِيهِ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٥٢﴾

1 Dari belakang tabir bererti seseorang itu dapat mendengar kalam Ilahi, akan tetapi tidak dapat melihatNya, seperti yang terjadi kepada Musa a.s.

53. Iaitu jalan Allah yang memiliki dan menguasai apa yang ada di langit dan di bumi. Ingatlah! Kepada Allah jualah kembali segala urusan.

صِرَاطَ اللَّهِ الَّذِي لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي
الْأَرْضِ ۗ أَلَا إِلَى اللَّهِ نَصِيبُ الْأُمُورِ ﴿٥٣﴾

